

PERATURAN DAN ETIKA UNTUK PETUGAS MEDIA (PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2018)

1. Perhimpunan Agung UMNO 2018 akan berlangsung mulai 28 - 30 September 2018 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.
2. Sehubungan itu, mana-mana pihak yang akan membuat liputan perhimpunan tersebut diminta untuk memberi kerjasama mematuhi **peraturan-peraturan** dan **etika berpakaian** semasa membuat liputan sepertimana berikut :-
 - 2.1 Ketika lagu Negaraku dinyanyikan, petugas media tidak dibenarkan melakukan sebarang pergerakan sebagai menghormati lagu kebangsaan.
 - 2.2 Pergerakan petugas media perlu tertib agar tidak mengganggu perjalanan Perhimpunan Agung UMNO.
 - 2.3 Petugas media tidak dibenarkan menghalang pandangan dan membelakangkan pentas Ahli Majlis Tertinggi, kawasan tetamu khas dan para perwakilan.
 - 2.4 Pemasangan peralatan teknikal dan kamera di dalam dewan - dewan persidangan (**Dewan Merdeka / Dewan Tun Dr. Ismail / Dewan Tun Hussein Onn**) dan bilik sidang media hendaklah dibuat sebelum ketibaan VIP atau sebelum majlis bermula untuk proses saringan keselamatan.
 - 2.5 Hanya petugas media (wartawan) yang memakai lencana Media yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat UMNO sahaja dibenarkan membuat liputan di dalam dewan - dewan persidangan (**Dewan Merdeka / Dewan Tun Dr. Ismail / Dewan Tun Hussein Onn**) sepanjang Perhimpunan Agung UMNO.
 - 2.6 Hanya petugas media yang memakai Lencana Media yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat UMNO sahaja dibenarkan memasuki dan menggunakan kemudahan yang disediakan di dalam Laman Media (**Media Centre**).

2.7 Kod etika berpakaian

- Lelaki** : Baju kemeja
Baju batik lengan panjang
Baju Melayu lengkap bersamping dan bersongkok
Berseluar panjang (slack)
Berkasut kulit
- Tidak : Baju T
dibenarkan Kemeja tanpa kolar / berlengan pendek
Seluar jeans
Seluar pendek
Pakaian ketat dan kurang sopan
Selipar / kasut sukan
- Wanita** : Baju kurung atau kebaya labuh
Blouse berlengan panjang
Skirt panjang (di bawah paras lutut)
Sari berlengan dan pakaian kebangsaan kaum-
kaum lain
Berseluar slack panjang
Lain-lain pakaian yang kemas dan sopan
- Tidak : Baju T
dibenarkan Baju tanpa lengan
Seluar jeans
Seluar pendek
Pakaian ketat dan menjolok mata
Selipar / kasut sukan

Nota : Hanya Baju T berkolar yang mempunyai logo agensi atau media terbabit sahaja dibenarkan

3. Kegagalan mana-mana petugas media mematuhi peraturan-peraturan dan etika berpakaian yang ditetapkan akan menyebabkan mereka tidak dibenarkan membuat liputan sepanjang Perhimpunan Agung UMNO.

Kerjasama daripada semua pihak berhubung perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.
